



**KEPADA SEMUA PELAJAR YANG
DIKASIHI SEKALIAN.**




**TAHNIAH!
SELAMAT MENERUSKAN
PERJUANGAN MURNI ANDA**

**SELAMAT DATANG DAN
SELAMAT MENJADI WARGA
POLITEKNIK MERLIMAU,
MELAKA**

**SEMOGA SAUDARA/I TIDAK AKAN
MENGHAMPAKAN HARAPAN AYAHANDA
BONDA DAN KELUARGA!**



JAWATANKUASA **DISIPLIN PELAJAR** **POLITEKNIK MERLIMAU**



- **PEGAWAI HAL EHWAL PELAJAR (KEBAJIKAN & DISIPLIN)**
EN. REDZA IZWAN BIN ABDUL RAHMAN
- **PEGAWAI DISIPLIN POLITEKNIK (PDP)**
EN. RUSLAN BIN ABDUL JALIL
- **PEGAWAI LALULINTAS POLITEKNIK (PPDP)**
EN. PUTRA SHAZLY BIN ROSMAN (JPA)
- **PEGAWAI DISIPLIN JABATAN (JKM),**
EN. MUHAMMAD HAFIZ BIN KAMARUDIN
- **PEGAWAI DISIPLIN JABATAN JKE, JKA, JP, JPH, JMSK & JPA**
- **PEN. PEGAWAI DISIPLIN JABATAN (PPDJ)**
- **AJK DISIPLIN JABATAN**
- **SEMUA PENSYARAH POLITEKNIK**

PERATURAN & UNDANG-UNDANG POLITEKNIK



DOKUMEN RUJUKAN:

1. **PERATURAN YANG TERKANDUNG DI
DALAM**

**BUKU PANDUAN DAN PERATURAN AM
PELAJAR POLITEKNIK KEMENTERIAN
PENGAJIAN TINGGI.**

- **Garis panduan kepada peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua pelajar sepanjang tempoh pengajian di politeknik -**

PERATURAN & UNDANG-UNDANG POLITEKNIK




2. UNDANG-UNDANG MALAYSIA AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976 (AKTA 174).

- Perkara-perkara yang berkaitan dengan tatatertib dalam institusi pelajaran dan mengenai perkara-perkara yang berkenaan dengannya -


PERATURAN AM POLITEKNIK

PAKAIAN DAN RUPADIRI PELAJAR LELAKI




BAJU :

- Hendaklah berlengan dan berkolar
- **TIDAK** terlalu besar
- **TIDAK** bertampung-tampung dan koyak
- Baju hendaklah dimasukkan ke dalam seluar
- Baju Melayu hendaklah dipakai dengan selengkapnya (**bersampin dan bersongkok**)
- **TIDAK** mempunyai tulisan, perkataan atau gambar yang membawa pengertian liar kecuali yang dikehendaki oleh PMM atau Jabatan
- Baju bengkel hanya boleh dipakai semasa waktu bengkel dan makmal sahaja dan bukannya di bilik atau dewan kuliah
- Topi atau “*Cap*” tidak dibenarkan dipakai di dalam bilik kuliah, bengkel, makmal dan kawasan bilik pensyarah.



PERATURAN AM POLITEKNIK

PAKAIAN DAN RUPADIRI PELAJAR LELAKI



SELUAR:

- TIDAK koyak dan bertampal-tampal
- Kaki seluar tidak serabut dan berbulu-bulu
- TIDAK ketat

KASUT:

- Hendaklah sempurna (BERTUTUP/PENUH)
- TIDAK memakai selipar atau terompah

RAMBUT:

- TIDAK PANJANG (hingga mencecah kolar)
- TIDAK TERBIAR sehingga boleh menghilangkan identiti pelajar lelaki
- TIDAK berfesyen seperti 'Afro', 'punk' atau BERWARNA.

AKSESORI:

- Sebarang bentuk perhiasan TIDAK dibenarkan.

BENTUK *BUCKLE* YANG DILARANG



Buckle yang lebih besar daripada tali pinggang tidak dibenarkan

FESYEN RAMBUT YANG DILARANG 1



FESYEN RAMBUT YANG DILARANG 2



FESYEN RAMBUT YANG DILARANG 3



PERATURAN AM POLITEKNIK



RUPA DIRI PELAJAR PEREMPUAN:

- **DILARANG** berpakaian yang menjolak mata. (ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan)
- “Skirt” yang lebih pendek dari paras lutut **TIDAK** dibenarkan dipakai.
- Baju-T tanpa kolar **TIDAK** dibenarkan.
- Berseluar ketat dilarang.





PERATURAN AM POLITEKNIK

Rambut

Hendaklah kemas.

Rambut yang diwarnakan dilarang.

Pelajar Islam digalakkan memakai tudung.

Perhiasan

Memakai barang kemas berlebihan tidak digalakkan.

PERINGATAN – KAD PELAJAR



PELAJAR-PELAJAR DIKEHENDAKI MEMAKAI
KAD PELAJAR DI SEBELAH KIRI BAJU
SUPAYA MUDAH DILIHAT DAN **GAMBARNYA**
MENGHALA KE HADAPAN SEPANJANG
MASA.

ARAHAN INI HENDAKLAH DIPATUHI
SEPANJANG MASA BERADA DALAM
KAWASAN PMM DAN **TINDAKAN TATATERTIB**
AKAN DIAMBIL TERHADAP MEREKA YANG
INGKAR ARAHAN INI.

PENAMPILAN RUPADIRI PELAJAR LELAKI DAN PEREMPUAN



CONTOH RUPADIRI PELAJAR LELAKI DAN PEREMPUAN KE KULIAH, AMALI
ATAU KE BENGKEL (DENGAN MENYARONG BAJU BENGKEL DI LUARNYA)



CONTOH RUPADIRI PELAJAR LELAKI DAN PEREMPUAN
BERIADAH ATAU KE KELAS KO-KURIKULUM

RAMBUT

TIDAK MENUTUPI
DAHI



TIDAK
MENUTUPI
TELINGA




TIDAK MELEBIHI
KOLAR BAJU



RAMBUT HENDAKLAH SENTIASA
PENDEK DAN KEMAS

PERATURAN AM POLITEKNIK (AKTA 174)



PENGLIBATAN DALAM PERSATUAN/ BADAN/ PERTUBUHAN/ KUMPULAN DAN PARTI POLITIK.

- **Dilarang menjadi ahli mana-mana parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana pertubuhan melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Menteri atau wakil kuasanya.**
- **Semua aktiviti pelajar yang hendak dijalankan di dalam dan di luar kampus mesti dapat kebenaran Pengarah terlebih dahulu.**

PERATURAN AM POLITEKNIK (AKTA 174)



BAHAN-BAHAN LUCAH, DADAH, RACUN, MABUK DAN BERJUDI

- **Dilarang memiliki atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa bahan lucah, dadah, racun atau minuman keras.**
- **Dilarang mengedar, membahagi atau mempamerkan apa-apa bahan lucah untuk mendapatkan apa-apa balasan lain.**
- **Dilarang minum minuman yang memabukkan atau dalam keadaan mabuk di dalam atau di luar kampus.**





PERATURAN AM POLITEKNIK (AKTA 174)

- **Dilarang menimbulkan suasana kacau-bilau, huru-hara atau menghasut pelajar-pelajar menentang pihak berkuasa politeknik.**
- ***Pelajar boleh menyuarakan rasa tidak puas hati melalui saluran tertentu seperti Jawatan Kuasa Perwakilan Pelajar (JPP) atau peti cadangan.***

PENCERAMAH LUAR

- **Mesti dapat kebenaran bertulis daripada Pengarah sebelum menjemput pihak luar memberi ceramah kepada pelajar di dalam atau di luar politeknik.**





PERATURAN AM POLITEKNIK (AKTA 174)

KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH MENGAKIBATKAN PENGGANTUNGAN/ PEMBUANGAN DARI POLITEKNIK

- **Mencemar nama baik politeknik, kakitangan atau pelajarnya di dalam atau di luar kampus.**
- **Membuat kenyataan dalam bentuk lisan atau bertulis kepada pihak luar mengenai politeknik, kakitangan atau pelajarnya.**
- **Membuat sebarang bantahan secara lisan atau bertulis sebarang keputusan pihak politeknik tanpa saluran yang ditetapkan.**

PERATURAN AM POLITEKNIK (AKTA 174)



- **Memiliki, menyorok, menyimpan, mengedar, menjual dan mempamer senjata berbahaya.**
- **Melibatkan diri dengan kegiatan mencuri, merompak, menyamun, memeras ugut dan menculik.**
- **Dituduh oleh mahkamah terbabit atau disyaki melakukan kesalahan jenayah sivil atau jenayah syariah.**
- **Terlibat dengan najis dadah.**
- **Memboikot aktiviti sah politeknik dll.**

PERATURAN AM POLITEKNIK (AKTA 174)



LARANGAN MEROKOK

- **Seluruh kampus politeknik adalah Zon Larangan Merokok.**



HAL-HAL LAIN


- **Pelajar dilarang melakukan pekerjaan sepenuh atau separuh masa tanpa kebenaran Pengarah.**
- **Pelajar juga tertakluk kepada Peraturan dan Undang-Undang Khas Peperiksaan, perpustakaan, asrama dsb.**



PERATURAN LALU LINTAS

KENDERAAN PERSENDIRIAN

- Kenderaan persendirian boleh digunakan di dalam kampus setelah didaftar dan mendapat kelulusan bertulis daripada pihak politeknik.
- Semua kenderaan bermotor yang digunakan untuk keluar masuk kampus mestilah mempamerkan pelekat/stiker 'PELAJAR' yang sah yang dikeluarkan oleh politeknik.



PERATURAN LALU LINTAS



- **Semua kenderaan hendaklah diletakkan di tempat yang dikhaskan dan disusun dengan teratur.**
- **Pelajar yang menggunakan kenderaan bermotor dalam kampus mesti memiliki:**
 - ✓ **Lesen memandu,**
 - ✓ **Cukai jalan**
 - ✓ **Insurans yang sah.**
 - ✓ **Mematuhi had laju.**

PERATURAN LALU LINTAS




- Tidak menghasilkan bunyi bising.
- **Memakai topi keledar semasa menunggang atau membonceng motosikal.**
- Mematuhi semua peraturan dan undang-undang bertulis oleh pihak berkuasa.

PERATURAN LALU LINTAS



- **Borang pendaftaran kenderaan (motosikal) boleh diperolehi daripada Unit Hal-Hal Pelajar.**
- **Setelah lengkap, serahkan borang tersebut kepada Unit Hal-Hal Pelajar dan saudara/i akan diberikan stiker 'PELAJAR'.**

“Hukuman Tatatertib”



**“SESEORANG PELAJAR YANG DIDAPATI BERSALAH
ATAS SESUATU KESALAHAN TATATERTIB**

**(AKTA INSTITUSI - INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976 atau PERATURAN AM
PELAJAR POLITEKNIK)**

**BOLEH DIKENAKAN MANA-MANA SATU DARIPADA
HUKUMAN-HUKUMAN YANG BERIKUT ATAU MANA-
MANA DUA ATAU LEBIH HUKUMAN-HUKUMAN ITU
DISATUKAN SEKALI : “**

- 1. AMARAN;**
- 2. DENDA TIDAK LEBIH DARIPADA LIMA RATUS RINGGIT
(RM500.00)**
- 3. PENGGANTUNGAN DARIPADA MENGGUNAKAN APA-
APA ATAU KESEMUA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN
INSTITUSI SELAMA TEMPOH YANG DITENTUKAN;**

Sambungan

“Hukuman Tatatertib”



4. **PENGGANTUNGAN** DARIPADA MENGIKUTI KURSUS PENGAJIAN DI INSTITUSI SELAMA TEMPOH YANG DITENTUKAN;
5. **PENGHALANGAN** DARIPADA MENDUDUKI SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN PEPERIKSAAN DI INSTITUSI;
6. **PENYINGKIRAN** DARIPADA MANA-MANA BAHAGIAN INSTITUSI SELAMA TEMPOH YANG DITENTUKAN;
7. **PEMBUANGAN** DARIPADA INSTITUSI OLEH PIHAK BERKUASA TATATERTIB”.

NOTIS DENDA KESALAHAN HUKUMAN TATATERTIB TERUS (KAEDAH 26A)

BARU DAN
HANGAT DI
PMM

HUKUMAN TATATERTIB DENDA TERUS (ON THE SPOT):

1. Bayaran denda hendaklah dibayar ke unit Kewangan Politeknik Merlimau, Melaka.
2. Bayaran denda mestilah dijelaskan dalam tempoh **14 hari** dari denda dikenakan.

PAKAIAN DAN PENAMPILAN RUPADIRI PELAJAR

CONTOH RUPADIRI PELAJAR BERPAKAIAN SESUAI DENGAN SITUASI KULIAH ATAU KERJA BENGKEL/AMALI (BAJU BENGKEL DI SARUNG PADA BAHAGIAN LUAR) DAN TATACARA PEMAKAIAN KAD PELAJAR

RAMBUT BERFESYEN SEPERTI 'AFRO', PUNK, BEREKOR ATAU DIWARNAKAN **TIDAK** DIBENARKAN
:
HUKUMAN DENDA TERUS RM 50.00



RAMBUT HENDAKLAH SENTIASA KEMAS DAN PENDEK

HADAPAN : TIDAK MENUTUPI DAHI

TEPI: TIDAK MENUTUPI TELINGA

BELAKANG: TIDAK MELEBIHI KOLAR BAJU

JENIS KESALAHAN	DENDA
PAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI	
1. BERPAKAIAN TIDAK SOPAN (SELUAR/BAJU KETAT/LUSUH/MENJOLOK MATA/JEANS DLL)	RM 50.00
2. BERPAKAIAN TIDAK BERSESUAIAN (BAJU T TANPA KOLAR/SELIPAR/SANDAL DLL)	RM 50.00
3. BERAMBUT PANJANG/TIDAK KEMAS/DIWARNAKAN	RM 50.00
4. LAIN-LAIN	RM 10.00
KAD PELAJAR	
1. TIADA KAD PELAJAR	RM 50.00
2. TIDAK MEMAKAI KAD PELAJAR	RM 50.00
3. KAD PELAJAR ROSAK/CONTENG	RM 30.00
4. MEMAKAI KAD PELAJAR DI TEMPAT YANG TIDAK SESUAI	RM 20.00
5. LAIN-LAIN	RM 20.00
MEMBUAT SEBARANG BENTUK BUNYI/BISING YANG MENYEBABKAN GANGGUAN	RM 50.00
MENGGUNAKAN MANA-MANA BAHAGIAN BANGGUNAN/PREMIS DALAM KAMPUS SEBAGAI TEMPAT TIDUR SELAIN DARIPADA KAMSIS	RM 20.00
KEBERSIHAN DIDALAM KAMPUS	
1. MEMBUANG SAMPAH DIMERATA-RATA TEMPAT	RM 50.00
2. MENCONTENG MANA-MANA BAHAGIAN BANGGUNAN/PREMIS	RM 50.00
3. TIDAK MENJAGA KEBERSIHAN/KEKEMASAN DIMANA-MANA BAHAGIAN BANGGUNAN/PREMIS	RM 50.00

NOTIS DENDA KESALAHAN LALULINTAS




- **AMARAN**
atau
- **DENDA** tidak lebih daripada RM100.00.

JIKA DIKENAKAN HUKUMAN DENDA:

- 1) Bayaran denda hendaklah dibayar ke unit Kewangan Politeknik Merlimau, Melaka.
- 2) Bayaran denda mestilah dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari denda dikenakan.

NOTIS DENDA KESALAHAN LALULINTAS



BIL.	JENIS KESALAHAN	DENDA (RM)
1	TIADA LESEN MEMANDU YANG SAH	50.00
2	TIADA CUKAI JALAN YANG SAH	50.00
3	TIADA PELEKAT KENDERAAN YANG SAH	40.00
4	MELANGGAR ARAHAN PAPAN TANDA/PANDU ARAH LALULINTAS	40.00
5	MEMBAWA KENDERAAN MELEBIHI HAD/KAWASAN YG DITETAPKAN	40.00
6	MELETAK KENDERAAN DITEMPAT YANG TIDAK DIBENARKAN	40.00
7	MEMBAWA KENDERAAN MELEBIHI HAD LAJU YANG DITETAPKAN	40.00
8	MEMBAWA KENDERAAN DALAM KEADAAN MERBAHAYA	40.00
9	TIDAK MEMAKAI TOPI/TALI PINGGANG KELEDER	30.00
10	KENDERAAN MENGELUARKAN BUNYI YANG BISING/KUAT/DIUBAHSUAI	30.00
11	TIADA CERMIN SISI DISEBELAH KANAN MOTOSIKAL	30.00
12	MEMBAWA PENUMPANG LEBIH DARIPADA HAD YANG DIBENARKAN	30.00



HUKUMAN KESALAHAN

- **JIKA DENDA TIDAK DIBAYAR DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN.**
- **Penggantungan Pelajar dari Politeknik Merlimau**
- **Pelajar berkenaan TIDAK BOLEH cetak keputusan peperiksaan untuk pendaftaran Politeknik dan Jabatan bagi semester berikutnya.**

SILA AMBIL PERHATIAN DAN INGATAN!!

PETIKAN ENAKMEN JENAYAH SYARIAH JAIP BIL. 3 TAHUN 1992



- **54 (1) & (2) KHALWAT –**
 - **Seseorang lelaki didapati bersama-sama dengan seorang atau lebih perempuan yang bukan isteri atau mahramnya di tempat yang sunyi atau dalam sebuah rumah atau bilik atau di tempat yang berasing dalam hal keadaan yang boleh mendatangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat adalah melakukan suatu kesalahan, dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM3000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-dua.**

PETIKAN ENAKMEN JENAYAH SYARIAH JAIP BIL. 3 TAHUN 1992



57. PERBUATAN TAK SOPAN

- denda tidak lebih RM1000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan.

58. MENGACAU

- denda tidak lebih RM1000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan.

59. MINUMAN YANG MEMABUKKAN

- denda tidak lebih RM3000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

* PETIKAN AKTA 174



Penggantungan dan pembuangan pelajar yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan jenayah atau terhadapnya suatu kesalahan jenayah adalah dibuktikan

14. (1) Jika seseorang pelajar sesuatu Institusi dipertuduhkan atas suatu kesalahan jenayah maka ia hendaklah selepas sahaja daripada itu digantung daripada menjadi seorang pelajar Institusi itu dan ia tidak boleh, dalam masa menunggu keputusan prosiding jenayah itu, berada di dalam atau memasuki kampus Institusi itu atau kampus mana-mana Institusi lain, atau Kampus mana-mana Universiti.

Pindaan 2003

Penggantungan pelajar yang dipertuduh atas kesalahan boleh daftar dan perkara-perkara yang berhubungan dengan penahanan, dsb.

14. (1) Jika seseorang pelajar suatu Institusi dipertuduh atas suatu kesalahan boleh daftar—

- (a) dia boleh, mengikut budi bicara Ketua Eksekutif, digantung daripada menjadi seorang pelajar; dan
- (b) jika digantung sedemikian, dia tidak boleh semasa prosiding jenayah belum selesai, berada dalam atau memasuki kampus Institusi itu.

Pindaan Terkini 2012

KESALAHAN JENAYAH SIVIL / SYARIAH



AKTA 174 (2003)

Penggantungan dan pembuangan pelajar yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan jenayah atau terhadapnya suatu kesalahan jenayah adalah dibuktikan

Apabila sesuatu mahkamah (*Sivil @ Syariah*), pada hari dibaca pertuduhan kes, *Pelajar yang dituduh itu akan digantung pengajiannya di politeknik.*

Pihak politeknik akan mengeluarkan Surat Pengantungan Pelajar.


AKTA 174 (PINDAAN 2012)

Penggantungan pelajar yang dipertuduh atas kesalahan boleh daftar dan perkara-perkara yang berhubungan dengan **penahanan (Polis @ Pegawai Agama), dsb.**

(a) dia boleh, mengikut budi bicara Ketua Eksekutif, digantung daripada menjadi seorang pelajar; dan

(b) jika digantung sedemikian, dia tidak boleh semasa prosiding jenayah belum selesai, berada dalam atau memasuki kampus Institusi itu.

KESALAHAN JENAYAH SIVIL / SYARIAH



- Apabila sesuatu mahkamah, pada hari perbicaraan pelajar berkenaan, membuat keputusan bahawa *pelajar yang dituduh itu didapati bersalah atau mengaku bersalah*, maka dengan sendirinya pelajar itu adalah **terhenti** dari pengajiannya di politeknik.
- Pihak politeknik akan mengeluarkan **Surat Berhenti Pengajian.**

RAKAN COP



- **SEMUA PELAJAR PMM DIGALAKKAN MENJADI AHLI RAKAN COP**

UNTUK DAFTAR:


**TAIP: RCMLK <JARAK> DAFTAR <JARAK>
NAMA/NAMA SAMARAN HANTAR KE 32728
[DAPAT]**

UNTUK MENYEMAK PENDAFTARAN:

RAKANCOP SEMAK HANTAR KE 32728 [DAPAT]

UNTUK BUAT ADUAN:

**TAIP: RCMLK <JARAK> MAKLUMAT HANTAR KE
32728 [DAPAT]**



- **SELAMAT MENJADI PELAJAR PMM YANG BERDISIPLIN TINGGI DAN BERTANGGUNG JAWAB.**
- **SETIAP KEADAAN ADA PILIHAN DAN PILIHAN KITA AKAN MENENTUKAN BALASAN ATAU HUKUMAN.**
- **SEMOGA SAUDARA/I AKAN BEROLEH KEJAYAAN.**
- **PERANGAI BOLEH DIUBAH, TAPI PARAS RUPA TIDAK BOLEH DIUBAH.**
- **HENDAK SERIBU DAYA MAHU SERIBU CARA.**
- **MENYESAL DAHULU PENDAPATAN MENYESAL KEMUDIAN TIADA GUNANYA.**
- **DI MANA BUMI DIPIJAK, DI SITU LANGIT DIJUNJUNG**

SEKIAN

TERIMA KASIH



TAKLIMAT DISAMPAIKAN OLEH:

**RUSLAN BIN ABDUL JALIL
PEGAWAI DISIPLIN POLITEKNIK,
POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA**

**YANG BAIK DATANG DARIPADA ALLAH,
YANG TIDAK BAIK
ADALAH KELEMAHAN SAYA
WASSALAM.**

11 DISEMBER 2012